

GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN INOVASI MODUL PEMBELAJARAN DIGITAL
MIPAC TVET 2026
PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA), MALAYSIA

1. PENGENALAN

Pertandingan Inovasi Modul Pembelajaran Digital MIPAC TVET 2026 (*Innovation in Methodology, Pedagogy and AI for Creative TVET*) dianjurkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST). MIPAC TVET 2026 merupakan platform inovasi PdP digital pertama CIAST yang memfokuskan kepada pengintegrasian AI, pedagogi digital dan inovasi pengajaran TVET secara sistematik dan kompetitif.

Pertandingan ini bertujuan menggalakkan pembangunan kandungan pengajaran dan pembelajaran digital yang berkualiti dalam ekosistem TVET. Pertandingan ini menyasarkan penyertaan pengajar TVET daripada institusi awam dan swasta untuk berkongsi amalan terbaik dalam pembangunan bahan pembelajaran digital serta pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan berkesan.

Pelaksanaan pertandingan ini juga menyokong agenda transformasi digital dalam latihan kemahiran serta pengukuhan ekosistem TVET Malaysia melalui pembangunan inovasi pengajaran dan pembelajaran digital.

2. OBJEKTIF PERTANDINGAN

Objektif utama pertandingan ini adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kompetensi pengajar TVET dalam pengintegrasian teknologi digital, kecerdasan buatan (AI) dan pendekatan pedagogi moden dalam PdP.
- ii. Mewujudkan budaya inovasi, kreativiti dan perkongsian amalan terbaik dalam kalangan warga pengajar TVET.
- iii. Menggalakkan pembangunan bahan PdP yang lebih interaktif, fleksibel dan berpusatkan pelajar.

- iv. Menjadi platform pengiktirafan kepada pengajar TVET yang cemerlang dalam pembangunan inovasi PdP digital dan teknologi pendidikan.
- v. Memperkukuhkan agenda pendigitalan TVET melalui penghasilan inovasi yang berpotensi untuk diperluas, diadaptasi dan dikomersialkan di peringkat institusi dan nasional.

3. HASIL PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijangka dapat menghasilkan *outcome* seperti berikut:

- i. Pembangunan bank bahan pengajaran dan pembelajaran (BPdP) digital CIAST
- ii. Perkongsian amalan terbaik inovasi bersama institusi TVET
- iii. Pengenalpastian projek berpotensi untuk MIPAC TVET *Innovation Showcase*
- iv. Penghasilan projek berpotensi untuk tujuan MyIPO dan pengkomersialan
- v. Pengembangan inovasi melalui latihan susulan seperti *Training of Trainers* (TOT).

4. SKOP PERTANDINGAN

- i. Kandungan hendaklah berfokus kepada satu (1) aktiviti kemahiran atau konsep kemahiran yang spesifik berdasarkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang berkaitan. Peserta wajib menyatakan Kod NOSS, Tajuk NOSS, Competency Unit (CU), Work Activity (WA) yang dibangunkan, serta justifikasi kaitan inovasi dengan Work Activity tersebut. Penyertaan yang tidak mengemukakan maklumat ini dengan jelas boleh dikategorikan sebagai tidak lengkap semasa semakan pematuhan penyertaan.
- ii. Pertandingan ini juga memberi fokus kepada pembangunan bahan pengajaran digital yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran TVET. Skop inovasi merangkumi:
 - a) Pembangunan modul digital
 - b) Video pengajaran dan pembelajaran
 - c) Penggunaan teknologi AI dalam pengajaran
 - d) Idea pembangunan ruang latihan masa hadapan
 - e) Kaedah penyampaian pengajaran melalui media digital

5. KATEGORI PERTANDINGAN

Pertandingan ini menawarkan empat kategori utama:

- i. *AI DigiTeach*
- ii. *Short Video Instructor*
- iii. *Future Training Space Ideation*
- iv. *Immersive Digital Training Aid*

Setiap kategori memberi penekanan kepada penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran.

6. TERMA DAN SYARAT UMUM

Syarat umum penyertaan adalah seperti berikut:

- i. Penyertaan mestilah karya asli.
- ii. Tidak dibenarkan menggunakan kandungan berunsur sensitif.
- iii. Penganjur berhak menolak penyertaan tidak lengkap.
- iv. Penganjur boleh membatalkan penyertaan jika terdapat unsur plagiarism.
- v. Keputusan panel penilai adalah muktamad.
- vi. Terbuka kepada semua pengajar TVET di seluruh Malaysia daripada agensi awam dan swasta.
- vii. Tiada had umur dan peserta mestilah masih berkhidmat sepenuh masa dengan institusi latihan sepanjang tempoh pertandingan sama ada secara tetap atau kontrak.
- viii. Penyertaan adalah secara individu atau kumpulan (1 hingga 3 peserta bagi setiap penyertaan)
- ix. Setiap individu atau kumpulan boleh menghantar terhad kepada satu penyertaan sahaja. Setiap institusi boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tanpa had.
- x. Urus setia, panel penilai dan individu yang terlibat secara langsung dalam penjurian tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- xi. Semua bahan inovasi, dokumen, video, reka bentuk, kandungan digital dan hasil projek yang dikemukakan sepanjang pertandingan ini adalah tertakluk kepada hak penggunaan oleh pihak penganjur. Pihak penganjur berhak untuk menggunakan, mempamer, menerbit, mengadaptasi atau mengkomersialkan

bahan penyertaan bagi tujuan pendidikan, promosi, penyelidikan dan pembangunan TVET tanpa perlu mendapatkan keizinan atau kelulusan lanjutan daripada pemilik asal. Hak penggunaan ini adalah bersifat bukan eksklusif dan tidak menjejaskan pemilikan harta intelek peserta atau institusi peserta.

- xii. Pihak penganjur boleh membantu atau menguruskan perlindungan harta intelek bagi projek yang berpotensi, termasuk pendaftaran melalui MyIPO, tertakluk kepada budi bicara penganjur dan persetujuan pihak berkaitan. Sebarang pendaftaran hendaklah mengambil kira pengiktirafan kepada pencipta, penyumbang dan pemilik inovasi yang sah.

7. PROSES PENDAFTARAN

- i. Semua pendaftaran hendaklah dibuat melalui Sistem Permohonan MIPAC TVET melalui <http://mipactvet.ciaast.gov.my>
- ii. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan yang mengandungi maklumat berikut:
 - a) Maklumat pemohon
 - b) Maklumat institusi
 - c) Tajuk projek
 - d) Kategori penyertaan
 - e) Dokumen sokongan
- iii. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

8. TARIKH-TARIKH PENTING

Pendaftaran dan muat naik bahan	22 Julai – 4 Sept 2026 (~6 minggu)
Hebahan Projek Layak	14 September 2026
Muat Naik Projek & Dokumentasi	15 -18 September 2026
Penjurian	5 – 16 Oktober 2026
Pengumuman Pemenang dalam sistem	16 Oktober 2026

Majlis Anugerah MIPAC TVET 2026	November 2026

9. DOKUMEN SOKONGAN

- i. Dokumen sokongan hendaklah disediakan dalam format berikut:
 - a) Dokumen: PDF (maksimum 100MB)
 - b) Video: MPEG (maksimum 200MB)
- ii. Sekiranya saiz fail melebihi had yang ditetapkan, pemohon boleh menyediakan pautan *Google Drive*. Pautan tersebut hendaklah ditetapkan kepada akses umum bagi membolehkan penilai mengakses dokumen.

10. KRITERIA PENILAIAN

- i. Penilaian akan dibuat berdasarkan beberapa kriteria utama seperti berikut:
 - a) Laporan projek
 - b) Pematuhan spesifikasi wajib
 - c) Kandungan reka bentuk PdP
 - d) Keaslian, kreativiti dan inovasi
 - e) Video projek
 - f) Impak dan kebolegunaan
 - g) Potensi penggunaan secara meluas
 - h) Pembentangan (*pitching*)
- ii. Setiap kategori mempunyai pecahan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penilai MIPAC TVET. Maklumat lanjut berkaitan kriteria dan pecahan markah hendaklah dirujuk dalam garis panduan bagi setiap kategori pertandingan.
- iii. Penilaian bagi setiap kriteria akan berpandukan rubrik penjurian yang menetapkan tahap pencapaian seperti Cemerlang, Baik, Sederhana, Memuaskan dan Lemah. Rubrik ini digunakan bagi memastikan proses penilaian secara lebih telus, konsisten dan adil oleh semua panel penilai.

11. PROSES PENILAIAN

- i. Semua penyertaan akan melalui proses penilaian seperti berikut:
 - a) Saringan awal oleh Jawatankuasa Penilai MIPAC TVET.
 - b) Pemilihan penyertaan yang disenarai pendek.
 - c) Sesi penilaian dan pembentangan (*pitching*).
 - d) Penilaian akhir oleh panel penilai.
- ii. Keputusan panel penilai adalah muktamad.

12. SESI PEMBENTANGAN (*PITCHING*)

Sesi pembentangan (*pitching*) akan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian melalui platform yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur. Setiap peserta atau kumpulan akan diberikan masa 7 hingga 10 minit untuk membuat pembentangan, diikuti dengan sesi soal jawab selama 5 minit bersama panel penilai.

Pembentangan hendaklah disampaikan oleh peserta atau wakil kumpulan yang berdaftar. Peserta dibenarkan menggunakan slaid, video projek atau demonstrasi ringkas bagi menyokong penerangan projek semasa sesi pembentangan.

13. ETIKA DAN INTEGRITI

13.1 Keaslian Projek

Setiap penyertaan hendaklah merupakan hasil karya asli peserta. Projek yang pernah menyertai pertandingan inovasi lain adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, projek yang pernah memenangi MIPAC TVET dalam edisi terdahulu tidak layak dipertandingkan semula, kecuali jika terdapat penambahbaikan yang signifikan dan dapat dibuktikan oleh peserta. Penganjur berhak menentukan kelayakan penyertaan tersebut.

13.2 Deklarasi Penggunaan AI

Peserta hendaklah mengisytiharkan semua penggunaan teknologi AI dalam pembangunan projek, termasuk platform, aplikasi, model AI generatif atau alat (*tools*) yang digunakan semasa penyediaan bahan inovasi.

13.3 Deklarasi Hak Cipta

Peserta bertanggungjawab memastikan semua bahan, audio, grafik, video, imej dan kandungan yang digunakan tidak melanggar hak cipta pihak ketiga serta memberikan pengiktirafan kepada sumber asal. Pelanggaran hak cipta boleh menyebabkan penyertaan hilang kelayakan.

13.4 Tanggungjawab Peserta

Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya terdapat unsur plagiarism, pelanggaran hak cipta, maklumat palsu atau penyalahgunaan teknologi AI.

13.5 Semakan Plagiarism dan Kandungan AI

Pihak penganjur berhak menjalankan semakan plagiarism dan pengesahan kandungan yang dijana oleh AI terhadap semua penyertaan bagi memastikan keaslian, integriti dan pematuhan kepada syarat pertandingan.

14. PENGGUNAAN TEKNOLOGI AI

Penggunaan teknologi AI dalam pembangunan bahan inovasi adalah dibenarkan dan digalakkan, tertakluk kepada prinsip penggunaan AI secara beretika, telus dan bertanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan pertandingan. Semua penggunaan AI, termasuk platform, aplikasi dan model AI generatif yang digunakan dalam pembangunan projek, hendaklah diisytiharkan dengan jelas sebagai sebahagian daripada penghantaran penyertaan bagi memastikan ketelusan dan integriti proses penilaian.

15. HADIAH DAN PENGIKTIRAFAN

15.1 Pemenang bagi setiap kategori pertandingan akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

- i. Pingat
- ii. Sijil penghargaan
- iii. Wang tunai

15.2 Maklumat lanjut berkaitan jumlah wang tunai, kategori anugerah dan pengiktirafan tambahan akan dimaklumkan oleh pihak penganjur dari semasa ke semasa.

16. IMPAK PASCA PERTANDINGAN

Projek yang berpotensi akan dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam bank bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) digital CIAST sebagai rujukan dan perkongsian amalan terbaik dalam ekosistem TVET.

Selain itu, projek terbaik dan projek terpilih juga berpotensi untuk dipamerkan melalui *MIPAC TVET Innovation Showcase* di peringkat institusi, kebangsaan atau antarabangsa, dimasukkan ke dalam repository inovasi, dikongsi bersama institusi TVET, diterbitkan dalam bentuk dokumentasi atau penerbitan berkaitan, serta dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran harta intelek seperti MyIPO. Sebarang cadangan pengkomersialan hendaklah dibuat melalui persetujuan atau perjanjian bertulis antara CIAST dengan pemilik inovasi.

Pihak penganjur juga boleh mempertimbangkan projek yang berpotensi untuk tujuan pengkomersialan, kerjasama industri, pengembangan inovasi, peluasan penggunaan serta pelaksanaan program latihan susulan seperti *Training of Trainers* (TOT) bagi memperluas impak inovasi kepada ekosistem TVET secara menyeluruh.

17. PENAFIAN

17.1 CIAST tidak bertanggungjawab terhadap kesahihan maklumat yang dikemukakan oleh pemohon. Sekiranya terdapat maklumat palsu atau tidak tepat, pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan.

17.2 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap masalah capaian internet, kerosakan fail atau pautan yang tidak boleh diakses semasa proses penilaian.

18. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila berhubung dengan pihak urus setia seperti berikut:-

Urus setia	No. Tel.	E-mel
Bahagian Penyelidikan, Inovasi dan Antarabangsa (RII) CIAST Shah Alam	03-5543 8200 sambungan 8294 / 8262 / 8315 / 8244	mipactvet@ciast.gov.my

19. PENUTUP

Garis panduan ini disediakan bagi memastikan proses pertandingan berjalan dengan telus dan teratur. Semua peserta diminta untuk mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

MIPAC TVET 2026 bukan sahaja berperanan sebagai platform pertandingan inovasi, malah menjadi medium strategik CIAST dalam mengenal pasti, menghimpun dan memperluaskan amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan institusi TVET. Projek yang berpotensi akan dipertimbangkan untuk tujuan perkongsian, adaptasi, pengkomersialan, pendaftaran harta intelek serta pembangunan bank bahan PdP digital TVET di peringkat institusi dan nasional.